



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

**KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI BERGANDING BAHU ANJUR PROGRAM
MADANI RAKYAT 2025 DI KUALA TERENGGANU**

KUALA LUMPUR - Terengganu Darul Iman telah dipilih bagi Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 edisi keempat. Program ini bakal berlangsung bermula 10 Julai hingga 12 Julai 2025 (Khamis hingga Sabtu) di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu dan sekitarnya.

2. Pada kali ini, giliran Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) menjadi penganjur utama dengan dibantu oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri selaku Sekretariat Induk.

3. KKR telah mengangkat tema “Pembangunan MADANI, Rakyat Sejahtera” bagi PMR kali ini. Tema ini dipilih selaras Gagasan Malaysia MADANI dan aspirasi Kerajaan untuk memastikan pembangunan yang seimbang dari segi fizikal dan kerohanian. Pembangunan MADANI memberi fokus keutamaan kepada pembangunan fizikal seperti pembinaan dan penyenggaraan lebuh raya, jalan raya, bangunan dan jambatan serta pembangunan infrastruktur dan pengisiannya seperti pembangunan institusi pendidikan, fasiliti kesihatan, belia, wanita dan keluarga. Selain daripada itu, aspek pembangunan kerohanian dan spiritual terus diperkasa ke arah membentuk masyarakat MADANI. Pembangunan MADANI yang seimbang berupaya melonjakkan lagi kemajuan negara, memacu ekonomi dan yang paling penting, meningkatkan kesejahteraan rakyat.

4. Selaras tema yang dipilih, PMR 2025 Terengganu bakal menampilkan pengisian program lebih bersasar dan dekat dengan keperluan rakyat setempat. Pengisian ini merangkumi aktiviti pameran dan reruai perkhidmatan Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri, inisiatif kesejahteraan komuniti, jualan MADANI, kaunter diskaun saman trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM), pemeriksaan kesihatan percuma, karnival tawaran peluang pekerjaan, tawaran gunting rambut dan tukar minyak motosikal percuma serta khidmat pertukaran topi keledar oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

5. Antara aktiviti utama yang bakal mencuri tumpuan pengunjung termasuklah:

- Acara Persembahan Nasyid “Tautan Hati Ganu Bersama Rabbani”;
- Majlis Terengganu Berselawat, Majlis Tahlil dan Kenduri Kesyukuran;
- Karnival Candat Sotong dan pengisiannya bersama MOTAC;

- Pendaftaran Kontraktor di bawah CIDB;
- Aktiviti Persembahan bagi Kanak-kanak.
- Pocket Talks;
- TVET & Peluang Melanjutkan Pengajian yang terbuka kepada lepasan sekolah dan belia;
- Pameran Teknologi dan Inovasi;
- Pengalaman Realiti Maya (Virtual Reality) mengendali jentera berat pembinaan; dan
- Cabutan bertuah dan banyak lagi.

6. Majlis Perasmian Penutupan PMR 2025 Terengganu bakal disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada 12 Julai 2025 (Sabtu) dan akan turut dihadiri oleh pimpinan tertinggi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

7. Orang ramai dijemput hadir bagi memeriah dan mengambil manfaat sepenuhnya dari acara dan aktiviti padat di PMR pada kali ini yang julung-julung kali diadakan di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu. Pengangkutan bas (feeder bus) akan disediakan antara stesen bas ke lokasi penganjuran. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu juga bermurah hati untuk memberi diskaun bagi bayaran letak kereta di sekitar lokasi tersebut. Pelbagai acara, pameran dan aktiviti menarik ini ditawarkan bermula 9.00 pagi hingga 10.00 malam (Khamis dan Jumaat), dan 9.00 pagi hingga 6.00 petang pada hari Sabtu.

Jumpa anda semua di PMR 2025 Terengganu!

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
7 JULAI 2025

#PMR2025
 #KearahKesejahteraanRakyat
 #JasaKepadaRakyat
 #MYJALAN
 #Jalankitatanggunjawabkita
 #KerajaanMADANI
 #MADANIbekerja